

BACA IKLAN DI BAWAH SEBELUM
MENGISI BORANG PERMOHONAN



**IKLAN JAWATAN KOSONG
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TAHUN 2025**

Jabatan Agama Islam Negeri Johor mempelawa Rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berminat dan berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

SKIM PERKHIDMATAN	:	PEMBANTU KHIDMAT AM
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK
GRED JAWATAN	:	H1
JADUAL GAJI MINIMUM	:	RM1,500.00
JADUAL GAJI MAKSIMUM	:	RM4,680.00
KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM100.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (i) memiliki Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
 - (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau

- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00); dan
- (v) memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b)).

SYARAT KELAYAKAN TAMBAHAN

Calon bagi lantikan ini hendaklah memiliki keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seperti berikut :-

- (a) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Melayu dan satu (1) mata pelajaran lain, serta Lulus empat (4) mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
- (b) Lelaki
- (c) Memiliki Lesen Memandu sekurang-kurangnya Kelas D dan ke atas yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.
[kecuali Lesen Memandu dalam tempoh percubaan (P)]

DESKRIPSI TUGAS

- i) Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta menjaga kenderaan / jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan / jentera yang diliputi oleh skim perkidmatan ini ialah kereta, van. Kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori dumper, roller dan traktor pertanian.
- ii) Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/dokumen/saman/notis.
- iii) Bertanggungjawab dalam tugas-tugas sokongan teknikal di bangunan kerajaan iaitu memasang, membaik pulih, menyenggara, mengawasi serta menguji kenderaan / jentera / peralatan awam dan mekanikal, pemasangan elektrik, sistem elektrik, sistem perpaipan dan kumbahan supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat.
- iv) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

CARA-CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan secara ‘*online*’ hendaklah dibuat di laman sesawang <https://jawatan.johor.gov.my>
2. Pemohon dikehendaki mengisi maklumat dengan lengkap dan memuat naik dokumen sokongan semasa memohon jawatan. Permohonan yang tidak lengkap akan **DITOLAK**. Dokumen sokongan yang dimuat naik hendaklah dengan **SALINAN DIAKUI SAH** sebagaimana berikut :-
 - i) Gambar berukuran passport
 - ii) Salinan Kad Pengenalan
 - iii) Salinan Sijil Kelahiran
 - iv) Sijil Berhenti Sekolah (Terakhir)
 - v) Salinan SRP/PMR/PT3
 - vi) Salinan SPM/SPMV
 - vii) Salinan SVM/SKM Tahap 3/SKM Tahap 2
 - viii) Salinan Sijil Diploma (jika berkaitan)
 - ix) Salinan Sijil Akademik dan kelayakan yang berkaitan
 - x) Salinan semakan pengiktirafan kelayakan pendidikan dari JPA melalui pautan [https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm \(MQA\)](https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm (MQA)) bagi (Sijil/Diploma/Ijazah)
 - xi) Salinan Lesen Memandu (bagi jawatan Pembantu Khidmat Am)
3. Pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/ Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan disertakan dengan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun berturut-turut dan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini.
4. Hanya pemohon yang berkelayakan dan melepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Pemohon adalah **diwajibkan** mencetak Borang Permohonan daripada sistem bagi kegunaan temuduga.
6. Pemohon hendaklah memastikan emel yang didaftarkan adalah aktif.
7. Pemohon hendaklah sentiasa menyemak peti *inbox* emel termasuk *spam* dan *junk* bagi keputusan permohonan jawatan.
8. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **3 bulan** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
9. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.

10. Sebarang pertanyaan berkaitan sistem <https://jawatan.johor.gov.my> pihak tuan / puan boleh terus hubungi pihak ICT Johor ditalian 07 266 6660

TARIKH BUKA PERMOHONAN PADA : 03 JUN 2025

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA : 16 JUN 2025 JAM 11.59 MALAM

PENGARAH,

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR,

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,

ARAS 4, BLOK A, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR,

JALAN MASJID ABU BAKAR,

80990 JOHOR BAHRU, JOHOR